

18/10/1999

Eurofighter Typhoon sahkan penyertaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Pesawat pejuang terakhir dikeluarkan alaf ini, Eurofighter Typhoon, akan mengetuai senarai 115 pesawat yang menyertai seksyen aeroangkasa Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 99), bulan depan.

Senarai terbaru yang dikeluarkan penganjur, Le Proton Lima Sdn Bhd menunjukkan pesawat pejuang pelbagai fungsi itu sudah pun mengesahkan kehadirannya dalam pertunjukan kali ini.

Pesawat canggih itu turut 'menyertai' Lima 97, tetapi dalam bentuk 'mock-up'. Bagaimanapun, penyertaan pameran udara pertama di peringkat dunia ialah pada Pameran Udara Paris di Le Bourget, Julai lalu dengan menerima pelbagai pujian terhadap prestasinya.

Selain pesawat Typhoon, tiga pesawat yang dikeluarkan Pusat Pengeluaran Ulan-Ude dari Russia turut mengambil bahagian dalam pameran kali ini, selepas kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu baru-baru ini.

Tiga pesawat berkenaan ialah pesawat pejuang Sukhoi Su-25 dan pesawat pelatih Su-39, serta helikopter Mi-8AMT.

Le Proton Lima Sdn Bhd, yang mengendalikan seksyen aeroangkasa Lima 99, pada mulanya menjangkakan hanya 100 pesawat menyertai pameran antarabangsa dua tahun sekali itu.

Bagaimanapun, jumlah berkenaan dijangka terus meningkat kerana masih ada syarikat yang dalam proses mengesahkan penyertaan masing-masing. Pertunjukan Lima yang pertama pada 1991 menampilkan hanya 23 pesawat, 1993 (46) dan 1995 (97).

Pertunjukan Lima 97, yang juga terbesar sehingga kini, menonjolkan 85 pesawat dari seluruh dunia.

Pertunjukan kali ini membabitkan kawasan pameran tertutup seluas 20,000 meter persegi di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, dengan 17,500 meter persegi sudah ditempah sehingga kini.

Konsortium utama sektor penerbangan negara, Aerospace Industries Malaysia (AIM) akan memiliki kawasan pameran terbesar dengan pavilion korporat seluas kira-kira 4,000 meter persegi.

Selain itu, Lima 99 turut menampilkan kawasan pameran luar seluas 70,000 meter persegi di kawasan apron, dengan tambahan 5,000 meter persegi untuk helikopter saja.

Sehingga kini, lebih 550 syarikat dari 31 negara sudah mengesahkan penyertaan bagi seksyen aeroangkasa.

(END)